

Headline Jabatan agama beri bantuan RM200000 setahun
Date 28 Jun 2009
MediaTitle Berita Minggu
Section Supplement
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 342,946 / 2,476,000

Language Malay
Page No 2
Article Size 692 cm²
Color Full Color
ADValue 8,768
PRValue 26,305



Jabatan agama beri bantuan RM200,000 setahun

Jawi konsep dan
laksana `dakwah` `bil lisan`
melalui bil hal`

Hafizah Iszahanid
dan Siti Nur Almizan Arippin

HIDUP melarat dan dibuang keluarga. Dua senario yang bukan saja mematahkan semangat tetapi seakan-akan dirundung malang berpanjangan.

Itulah penghidupan yang perlu dihadapi seorang wanita yang akhirnya menjerumuskannya dalam kemaksiatan. Pada saat-saat akhir hidupnya, dia akur dengan hakikat menghidap HIV dan kemudian terlantar akibat Aids.

Oleh kerana kudrat yang semakin tiada, dia tidak boleh lagi melayan pelanggan. Justeru, dia tiada pilihan kecuali menumpang hidup di Rumah Sinar Salam, Chow Kit, Kuala Lumpur untuk menghabiskan sisa-sisa hidupnya.

Rumah Sinar Salam dan sebuah lagi, Rumah PT

Foundation juga di Chow Kit, kawasan di tengah ibu kota yang dulunya dilabel sebagai pusat pelacuran, tumpuan mak nyah dan sarang `mat gian.`

Fungsi kedua-dua institusi bertumpu kepada dakwah dalam bentuk pendidikan Islam dan bimbingan rohani, namun Sinar Salam ada kala menjadi tempat berteduh golongan tidak berumah, selain transit mereka yang mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur.

Di situ, bukan sekadar aspek ibadah yang diajar, malah ada antara pengunjungnya diberi perlindungan lantaran terlantar sakit menunggu mati selepas tidak lagi diterima keluarga atau masyarakat akibat dosa silam.

Hasil peruntukan RM200,000 setahun yang

disalurkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Rumah Sinar Salam terus mampu beroperasi, manakala Rumah PT Foundation pula dibantu melalui khidmat guru agama yang dihantar jabatan itu.

Usaha dakwah menjadi lebih mudah apabila turut mendapat kerjasama pihak lain, termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO).

Pengarah Jawi, Datuk Che Mat Che Ali, berkata kelas pendidikan Islam untuk `komuniti disayangi` (pelacur, penagih dadah dan mak nyah) adalah antara usaha Jawi menyebarkan Islam melalui konsep `dakwah` `bil hal` dan `bil lisan` (dakwah


melalui perbuatan dan perkataan).

"Dalam Islam ada menyembut setiap penyakit ada ubatnya kecuali mati. Jadi, kita bantu mereka untuk kembali ke pangkal jalan. Walau apa pun latar belakang mereka, petugas Rumah Sinar Salam tidak pernah memandang hina.

"Siapalah kita untuk menentukan orang ini masuk neraka atau orang itu masuk syurga," katanya.

Katanya, ada juga kumpulan sasaran yang langsung tidak berumah atau hidup merempat dan yang wanitanya pula terpaksa menjual diri hanya untuk mengisi perut dan meneruskan hidup.

Sejak dimulakan empat tahun lalu, kelas pendidikan Islam itu mendapat sambutan baik dan menyuntik keinsafan



AMRAN HAMID | BERITA HARIAN

Gejala sosial yang perlu ditangani bersama.

kepada mereka yang berge- lumang maksiat untuk keluar daripada belenggu penyakit sosial itu.

Daripada keinsafan mereka pula, wujud landasan yang boleh menimbulkan kesedaran sama kepada rakan lain yang masih dalam dunia maksiat.

"Bagi yang sakit, mereka dijaga dan ditemani hingga dijemput Illahi. Kita mahu mereka tahu masih ada yang sayangkan mereka dan masih ada esok untuk memulakan hidup baru," katanya.

Pada setiap petang Selasa dan Sabtu, kelas agama

berkenaan diisi kira-kira 30 individu pelbagai latar belakang dari Jalan Chow Kit dan sekitarnya - ada maknyah, penagih dadah, pelacur dan pesakit HIV.

Tidak kurang juga anak pelacur yang turut serta mengisi masa terluang sementara ibu mereka sibuk 'berkhidmat' melayan pelanggan.

Kata Che Mat, kelas agama itu bukan untuk menarik kumpulan sasar keluar daripada dunia maksiat secara drastik, sebaliknya dilakukan secara hikmah atas kesedaran bahawa perubahan seharusnya datang dari dalam hati individu itu sendiri.

"Biarlah mereka berubah kerana rela... tidak boleh dipaksa dan dilakukan secara drastik," katanya sambil menambah ada di antara individu terbabit terjerumus ke lembah maksiat akibat eksploitasi, terjerat atau ter-tipu.

Justeru, tiada rasa kecewa atau harapan tinggi daripadanya untuk kumpulan sasar itu berubah, hanya sikap positif diiringi doa untuk melihat perubahan mereka satu hari nanti walaupun mungkin tidak sepenuhnya.

"Kuala Lumpur ibu kota, semua orang mahu datang ke sini. Bukan salah mereka apabila ditipu, dipaksa menjual diri atau dieksploitasi. Jadi, janganlah kita memandang mereka dengan penuh jijik.

"Kita juga tidak harus berputus asa, sebaliknya wajar memberi mereka harapan... kerana esok masih ada untuk mereka," katanya.

Headline
Date
MediaTitle

Jabatan agama beri bantuan RM200000 setahun
28 Jun 2009
Berita Minggu



Terbiar dan hanyut dalam kehidupan, masih ada harapan untuk mereka kembali ke pangkal jalan.



*Bagi yang sakit,
mereka dijaga dan
ditemani hingga
dijemput Illahi.
Kita mahu mereka
tahu masih ada
yang sayangkan
mereka dan masih
ada esok untuk
memulakan
hidup baru"*

Che Mat Che Ali
Pengarah Jawi

